



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

STESEN PENGISIAN HIDROGEN MUDAH ALIH (MHRs) PERTAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

PUTRAJAYA, 09 MEI 2025 - Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Stesen Pengisian Hidrogen Mudah Alih (MHRs) yang dirasmikan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merupakan projek rintis pertama dalam sektor mobiliti hidrogen di Semenanjung Malaysia.

Sejajar dengan Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen (HETR), inisiatif ini merupakan langkah awal Malaysia ke arah menjadi peneraju dalam ekonomi hidrogen global. Inisiatif ini turut selari dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk mencapai karbon sifar bersih menjelang 2050 demi masa depan yang mampan dan sejahtera.

Projek ini mendapat sokongan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC) dan NanoMalaysia Berhad (NMB) dengan kerjasama PETRONAS Technology Ventures Sdn Bhd (PTVSB), Sime UMW, UMW Toyota Motor Sdn Bhd (UMWT), dan Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC).

Dalam ucapan perasmiaannya, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata "Pelancaran stesen isian semula hidrogen mudah alih pertama di Malaysia ini adalah langkah penting dalam memperkukuh ekosistem tenaga bersih negara. Inisiatif ini bukan sahaja mempercepatkan penggunaan teknologi mobiliti hidrogen, malah memperkukuh kedudukan Malaysia dalam ekonomi hidrogen global. Saya yakin kerjasama strategik sektor awam dan swasta ini akan membuka ruang inovasi baharu, menarik pelaburan berimpak tinggi serta menyokong matlamat Malaysia mencapai sifar bersih karbon menjelang 2050".

Projek MHRs mencerminkan nilai kemakmuran MADANI (Kesejahteraan) dengan meningkatkan kualiti hidup melalui penggunaan tenaga bersih yang menyokong pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Bagi merangsang ekosistem mobiliti hidrogen, kerjasama perlu dijalin dengan pembekal kenderaan elektrik sel bahan api (*Fuel Cell Electric Vehicle*, FCEV) untuk pengesahan teknologi, pelaksanaan projek rintis, dan demonstrasi kenderaan berkuasa hidrogen. Di samping itu, infrastruktur asas bagi pengisian hidrogen dalam FCEV perlu

disediakan bagi mempercepatkan penggunaan hidrogen sebagai bahan api dalam sektor pengangkutan dan mobiliti.

Kejayaan pelaksanaan projek MHRS ini adalah hasil daripada kerjasama padu dengan peneraju utama industri hidrogen di Malaysia. NMB, sebagai pentadbir aset yang mewakili MOSTI, bertindak sebagai pengendali stesen MHRS dan tapak ujian untuk teknologi baharu bagi meneroka peluang komersial jangka panjang. PTVSB membekalkan hidrogen dan menyelia kerja-kerja kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan stesen (EPCC). Sime UMW dan UMWT menyumbangkan tiga kenderaan berkuasa hidrogen Toyota Mirai serta menyediakan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan. MGTC pula melaksanakan kajian kebolehlaksanaan penggunaan kenderaan FCEV atas jalan raya tempatan dengan sokongan data daripada UMWT dan syarikat pembekal MHRS, iaitu Hydrexia Sdn Bhd.

Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan menawarkan persekitaran yang ideal untuk demonstrasi MHRS kerana infrastruktur yang baik bagi menyokong logistik dan kebolehcapaian yang cekap untuk stesen ini. MHRS menawarkan juga menawarkan peluang untuk penggunaan perintis pengangkutan awam berkuasa hidrogen seperti bas dan teksi bagi kebolehlaksanaan teknologi sebelum diperluas ke seluruh negara. Komitmen Putrajaya untuk menjadi bandar pintar rendah karbon menjadikannya lokasi yang sesuai untuk pengangkutan berkuasa hidrogen dalam peralihan Malaysia kepada penggunaan tenaga mampan dalam kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian.

Kejayaan pelancaran projek MHRS akan menjadi pemangkin untuk meningkatkan penglibatan industri, menarik minat pelabur, pihak berkepentingan, dan pemain industri untuk turut serta secara aktif dalam pembangunan ekosistem hidrogen Malaysia. Dengan pasaran hidrogen global dijangka berkembang pesat dalam dekad akan datang, projek MHRS bakal meletakkan Malaysia di barisan hadapan ekonomi hidrogen. Pasaran stesen pengisian semula hidrogen berskala kecil juga dijangka melebihi USD 7.3 bilion menjelang 2034, MHRS membuka ruang bagi pertumbuhan, pelaburan, dan inovasi yang lebih besar dalam sektor tenaga bersih Malaysia.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
9 MEI 2025**

